

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status dan kemajuan pembinaan *Flood Mitigation Development Skim 2 and 4* yang melibatkan peruntukan sejumlah RM250 juta di Daerah Penampang yang sering kali menghadapi masalah banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat empat (4) pakej utama projek Tebatan Banjir di Daerah Penampang yang terdiri daripada:

1. Pakej 1 – Membina dan menaiktaraf Parit 18A, status projek adalah dalam pelaksanaan dengan status kemajuan fizikal sebenar di tapak sebanyak 81.39% berbanding 73.85% dari yang dijadualkan;
2. Pakej 3 – Kerja Menaiktaraf Sungai Putatan, status projek dalam pelaksanaan dengan status kemajuan fizikal sebenar di tapak 64.1% berbanding 59.3% dari yang dijadualkan;
3. Pakej 2 – RTB Persekutaran Lido dijadualkan akan ditender pada tahun 2021; dan
4. Pakej 4 – Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Moyog telah dimohon dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.